


Jangan manjakan pelajar

U.M 26/07/07 M/S 11

Oleh ROSLEE MARDAN

ORANG kata 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' bimbang jika dah jadi buluh, susah pula nak dilentur. Perumpamaan ini sering dikaitkan dengan pendidikan di negara kita. Realitinya, pendidikan merupakan aspek yang paling utama dalam mendirikan sebuah tamadun yang gemilang.

Bagaimanapun, aspek pendidikan yang seolah-olah 'tidak kena' kepada generasi muda menjadikan mereka hanya sebagai objek pencapaian pendidikan semata-mata dan bukannya tumpuan dalam pendidikan. Maksudnya, generasi muda hanya memperoleh penilaian dari segi pencapaian akademik. Tetapi malang sekali apabila pencapaian akademik mereka tidak selari dengan sikap, pemikiran dan tindak-tanduk ketika berhadapan dengan



BEBERAPA pelajar yang ponteng sekolah sambil menghisap rokok beramai-ramai. Siapa patut memantau?

sannya lebih banyak mendatangkan keburukan jika sudah sampai ke tahap yang menyusahkan masyarakat sekeliling.

Golongan ibu bapa perlu diberi penekanan mengenai kesedaran mendidik anak secara tegas dan bukan memanjakan. Anak-anak tidak boleh diberi kebebasan yang sepenuhnya. Nasihat yang berulang-ulang serta pesanan yang berhemah mampu menawan hati anak-anak. Jika mereka masih melakukan kesalahan, maka wajarlah hukuman yang lebih berat perlu dikenakan seperti merotan dan hukuman lain.

Kerajaan juga disarankan agar meminda atau memperbaiki pekeliling 8/1983. Kalaulah semua hukuman yang digariskan dalam pekeliling 8/1983 tidak boleh dilaksanakan, apa gunanya guru disiplin atau lembaga disiplin. Kalau mengharapkan disiplin diperbetulkan melalui kaedah kaunseling, kita percaya akan lebih banyak masalah baru yang

- Gambar hiasan

duk ketika berhadapan dengan persekitaran kehidupan.

Pada zaman kini, kita sungguh sedih apabila usaha pembentukan disiplin di sekolah dianggap sebagai mendera dan melampau. Inilah bahayanya pemikiran yang terlalu terbuka. Seheinggakan tindakan mendisiplinkan pelajar didakwa sebagai melanggar hak asasi, mendera atau berfahaman konservatif.

Kita tidak boleh terlalu ingin memenangi hati pelajar atau membela mereka secara membuta tuli. Kita bimbang pelajar-pelajar sekolah di negara ini dijangkiti sikap 'manja' atau seperti pepatah orang Melayu menyebut 'naik lemak'. Akhirnya mereka berani melakukan apa sahaja perlakuan yang melanggar etika disiplin kerana mereka yakin bahawa ada pihak yang membela perlakuan tersebut.

Apalah gunanya seorang guru yang dipertanggungjawab mendisiplinkan pelajar jika pada akhirnya, pelajar itu māsah berperangai tidak senonoh. Malah sebaliknya guru pula dituduh tidak berdisiplin dalam mendidik pelajar.

Masalah disiplin atau sikap 'kurang ajar' remaja-remaja pada hari ini sebenarnya berpunca daripada kegagalan ibu bapa mendekati anak-anak mereka. Semua pihak perlu menerima realiti bahawa golongan ibu bapa pada zaman sekarang bukan lagi seperti dahulu. Seolah-olah wujud-

nya haluan masing-masing dalam sesebuah keluarga hingga membawa kepada sikap 'tak apa'. Natijahnya, lahirlah generasi yang bersikap 'besar kepala'.

Generasi muda atau pelajar-pelajar di sekolah berani melakukan apa sahaja mengikut kehendak hati. Ini disebabkan sifat mereka sudah terbiasa dari rumah dan tidak dididik dengan tegas. Contohnya, apabila selesai waktu persekolahan, pelajar-pelajar dibiarkan berpelesenan. Jika ibu bapa mengambil serius langkah untuk melarang anak-anak keluar rumah tanpa tujuan penting, kita percaya, anak-anak akan berfikir bahawa ibu bapa mereka bersikap tegas. Sekurang-kurangnya timbul perasaan takut atau segan kepada ibu bapa.

Persekitaran hidup yang dipenuhi dengan pelbagai kemodenan dan dipenuhi dengan keseronokan, sentiasa menghasut pemikiran generasi muda untuk menjadi liar. Oleh sebab itu, ibu bapa tidak boleh memanjakan anak-anak dengan kehidupan yang bebas. Dalam pemikiran golongan ibu bapa pada zaman sekarang, mereka menganggap biarlah anak-anak merasai keselesaan. Mereka dimanjakan dengan harta benda, diberi kebebasan berfikir mengenai hala tuju hidup dan kebebasan dalam semua hal. Pemikiran ibu bapa seperti ini tidak

Golongan ibu bapa pada zaman sekarang bukan lagi seperti dahulu. Seolah-olah wujudnya haluan masing-masing dalam sesebuah keluarga membawa kepada sikap 'tak apa'. Natijahnya, lahirlah generasi yang bersikap 'besar kepala'

boleh dibiarkan terus menjadi budaya atau satu trend dalam masyarakat.

Daripada contoh lain, jika kita amati generasi muda hari ini, dari segi pertuturan, dan berpakaian juga sudah cukup menggambarkan betapa kosongnya jiwa mereka. Betapa bebas dan beraninya generasi muda hari ini. Keseronokan dijadikan paksi hidup. Berpelesenan dan melepak menjadi tabiat yang sudah sukar dikikis. Ini menandakan lemahnya daya pemikiran ibu bapa zaman sekarang dalam mendidik anak-anak.

Sembahyang

Tidak dinafikan memang terdapat golongan ibu bapa yang mengamalkan kehidupan yang baik seperti mengamalkan sembahyang lima waktu atau mengikuti kuliah-kuliah agama. Namun amalan tersebut tidak menyeluruh dalam keluarga. Ia ha-

nya dipentingkan untuk diri sendiri tanpa mengambil tahu akan kehidupan anak-anak. Apatah lagi bagi ibu bapa yang tidak mempunyai masa untuk keluarga. Wang menjadi pengganti diri untuk memenuhi keperluan anak-anak.

Setiap institusi pendidikan terutama sekolah perlu mempertingkatkan peranan dan sistem pelaksanaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Perbincangan kedua-dua pihak perlu dilakukan selalu untuk mengenal pasti isu-isu berbangkit khususnya tahap disiplin anak-anak.

Guru-guru sepatutnya diberi kuasa penuh memperbetulkan sikap 'pakai kepala sendiri' yang melanda pelajar-pelajar sekolah hari ini. Sebarang tindakan disiplin termasuk denda, rotan atau apa jua bentuk hukuman yang dilakukan oleh guru hendaklah diterima positif oleh semua pihak. Di sebalik itu, ibu bapa juga hendaklah membuang sikap memanjakan anak-anak kerana ke-

- Gambar hiasan

kaunseling, kita percaya akan lebih banyak masalah baru yang timbul sementara masalah lama belum selesai.

Pihak sekolah perlu sentiasa mengadakan majlis bersama waris atau menghantar laporan perkembangan anak-anak mereka di sekolah dan asrama. Laporan bukan sahaja memfokuskan kepada tahap pencapaian akademik tetapi perkembangan disiplin mereka perlu dilaporkan sentiasa. Kaedah ini perlu ada timbal balas agar mewujudkan satu hubungan komunikasi yang boleh diterjemah kepada penyelesaian-penyelesaian konkrit.

Kerajaan perlu merangka modul keibubapaan yang baru sebagai satu dokumen panduan mendidik anak.

Apa yang penting sekarang ialah usaha memperbetulkan disiplin pelajar bukanlah terletak pada bahu guru atau ibu sahaja. Golongan pemikir seperti kaunselor, pensyarah universiti, penceramah dan pendakwah agama perlu turun padang merawat perilaku generasi muda yang semakin parah. Walaupun masalah ini sering diperdebatkan malah beratus ribu kajian demi kajian dibuat mengenai isu ini, penyelesaiannya masih belum ditemui.

□ **ROSLEE MARDAN** ialah Pegawai Eksekutif Unit Kedah Maju UUM, Sintok, Kedah.